

MAHATHIR-KRAFTANGAN.

1982

KUALA LUMPUR, 26 NOV. (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGUMUMKAN PENUBUHAN SEBUAH AGENSI PEMASARAN PUSAT BAGI KRAFTANGAN.

PERDANA MENTERI BERKATA AGENSI TERSEBUT AKAN TERLIBAT DALAM SOAL REKABENTUK DAN PEMBELIAN HASIL BUATAN YANG MEMATUHI STANDARD TERTENTU, MEMPAMER DAN MEMASARKANNYA DI PASARAN TEMPATAN DAN JUGA DI LUAR NEGERI.

SELAIN ITU, IA JUGA AKAN BERTANGGUNGJAWAB MEMBUAT KAJIAN PASARAN, KAJIAN PERMINTAAN, KEHENDAK PELANGGAN DAN PEMBELIA DAN MENJALAKAN GALAKAN.

PERDANA MENTERI, YANG BERUCAP MERASMIKAN PAMERAN KRAFTANGAN 'WICITRA 82' ANJURAN PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA DI MUZIUM NEGARA, BERKATA AGENSI TERSEBUT AKAN DITUBHKAN DI SINI OLEH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR.

BELIAU BAGAIMANAPUN BERHARAP AGENSI ITU AKAN DIKENDALIKAN OLEH KERAJAAN HANYA UNTUK BEBERAPA KETIKA SAJA DAN IA AKHIRNYA AKAN DIKENDALIKAN SEBAGAI SATU USAHA PERDAGANGAN. ---LAGI 1928/MD

MAHATHIR-KRAFTANGAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERHARAP USAHA SERIOUS KERAJAAN ITU AKAN MENARIK PERHATIAN DAN DIBERI SAMBUTAN SEWAJAR OLEH PENDUDUK KAMPUNG BUKAN SAJA DEMI KEPENTINGAN MEREKA SENDIRI TETAPI JUGA NEGARA.

BELIAU MENEGASKAN PEMUBUHAN AGENSI ITU ADALAH SELARAS DENGAN USAHA KERAJAAN SEKARANG MENGGALAKAN PEMBUKAAN INDUSTRI-INDUSTRI KAMPUNG YANG LEBIH TERSUSUN, TERMASUKLAH PERUSAHAAN KRAFTANGAN.

TUJUAN UTAMA USAHA INI IALAH BAGI MENINGKATKAN PENDAPATAN MASYARAKAT KAMPUNG MEMERUSI PENGGUNAAN MASA LAPANG MEREKA SEKARA LEBIH PRODUKTIF.

DI SAMPING ITU, INDUSTRI TERSEBUT JUGA BOLEH MENINGKATKAN KEFAHAMAN MASYARAKAT DESA MENGENAI SELOK-BELOK PERNIAGAAN SERTA PERANAN WANG DALAM PEMBANGUNAN, TAMBAH NYA.

PERDANA MENTERI BERKATA INDUSTRI KAMPUNG JUGA DAPAT MENGURANGKAN PENGHIJRAHAN REMUDA-PEMUDI DARI DESA KE BANDAR YANG JIKA TIDAK DIBEKAT BOLEH MENYEBABKAN KAWASAN LUARBANDAR KEKURANGAN TENAGA PEKERJA UNTUK MENGUBAHKAN BENDANG DAN LAPANG.

+GEJALA INI JUGA AKAN MENYEBABKAN BILANGAN PENDUDUK DI BANDAR BERTAMBAH DENGAN CEPAT SEHINGGA TERTUMBUHLAH KAWASAN-KAWASAN SETINGGAN YANG SESAK, KOTOR DAN MENCEMAR KEHORMATAN,+ TEGASNYA. -- LAGI 2005/OM

ZCZC B668:

MAHATHIR - KRAFTANGAN 3 KUALA LUMPUR

TERDAHULU ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU YAKIN KRAFTANGAN MALAYSIA BERPOTENSI UNTUK MENJANGKAU PASARAN DUNIA JIKA SISTEM PENGELUARAN DAN PASARANNYA DISESUAIKAN MENGIKUT KEPERLUAN MASA.

BELIAU MENEGASKAN MASYARAKAT MALAYSIA, KHUSUSNYA MASYARAKAT BUMIRUTERA DI DESA TERKENAL DENGAN KEBENIAN DAN KRAFTANGANNYA.

+TETAPI SAYANGNYA KITA BELUM MENEROKAI SECARA AGRESIF DUA ASPEK PENTING DALAM MENGHASILKAN KRAFTANGAN IAITU ASPEK KEGUNAAN DAN EKONOMI IAITU PERKARA-PERKARA YANG BERKAIT RAPAT DENGAN PERDAGANGAN,+ TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MENYAMPAIKAN PIALA WICITRA 82 KEPADA ENCIK ALIAS YUSOF SEBAGAI PEREKA DAN ENCIK ROSLI MOHAMAD SEBAGAI PENGUUBAHA.

HADIR SAMA IALAH DATIN BERI DR. SITI HASMAH, MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR DATUK SANUSI JUNID DAN PENERUSI KRAFTANGAN MALAYSIA TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS.

PAMERAN TERSEBUT YANG MELIPUTI TIGA BIDANG KRAFTANGAN TEMPATAN-SERAMIK, TEMBAGA DAN PERAK AKAN BERLANGSUNG SEHINGGA 29 DIS. --
BERNAMA 2010/OM